

KOPERASI WANITA DI MALAYSIA: ISU DAN CABARAN

(Women's cooperatives in Malaysia: Issues and challenges)

*Azmaliza Arifin^a, Yusman Yacob^b, Amalina Ibrahim^a

^a Pusat Penyelidikan, Institut Koperasi Malaysia

^b Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Mukah, Sarawak

*Corresponding author: azmaliza@ikma.edu.my

Received 1 April 2022; Revised 13 May 2022; Accepted 18 July 2022

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat isu dan cabaran koperasi wanita di Malaysia. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh koperasi wanita dalam mengembangkan perniagaan, menilai impak COVID-19 ke atas aktiviti perniagaan dan mengenal pasti bentuk bantuan dan sokongan yang diperlukan untuk memperkasakan koperasi wanita. Kaedah kuantitatif dengan pendekatan soal selidik atas talian (google form) digunakan untuk mengumpulkan data. Kajian ini menggunakan teknik pensampelan rawak mudah dan hanya seorang wakil koperasi wanita memberikan maklum balas iaitu anggota lembaga, juruaudit dalaman, ahli jawatankuasa dan pengurus/eksekutif. Antara isu yang dihadapi oleh koperasi wanita ialah anggota kurang melibatkan diri dalam aktiviti koperasi, masalah modal pusingan perniagaan, dan masalah pemasaran produk. Cabaran yang dihadapi seperti kekurangan sumber modal, kurang pengetahuan untuk menjalankan aktiviti koperasi, kurang sokongan ahli dan pengetahuan teknikal. Kesimpulannya, penglibatan wanita dalam gerakan koperasi di Malaysia masih berada pada tahap yang rendah. Berdasarkan isu dan cabaran, mereka amat memerlukan sokongan dan bimbingan daripada pelbagai pihak khususnya aspek sokongan perniagaan dan latihan. Antara cadangan bagi membantu memperkasakan gerakan koperasi wanita di Malaysia ialah pembudayaan dan kesedaran berkoperasi, penglibatan dalam aktiviti-aktiviti perniagaan bernilai tambah, sokongan perniagaan koperasi dan pemeraksanaan modal insan melalui latihan, khidmat nasihat dan bimbingan.

Kata kunci: COVID-19, isu dan cabaran, koperasi, perniagaan, wanita

ABSTRACT

A study was conducted to look at the issues and challenges of women's cooperatives in Malaysia. The objective of this study was to identify issues and challenges faced by women's cooperatives in growing their business, evaluate the impact of COVID-19 on business activities carried out by women's cooperatives, and identify the forms of assistance and support needed to empower women's cooperatives because of the COVID-19 epidemic. Quantitative method by using online questionnaire approach (google form) was used to collect data. This study used a simple random sampling technique and only one female cooperative representative provided feedback namely board members, internal auditors, committee members and managers/executives. Among the issues faced by women cooperatives were lack of member's involvement in cooperative activities, business revolving capital problems, and product marketing problems. In addition, challenges faced such as lack of capital resources, lack of knowledge to carry out cooperative activities, lack of member support and lack of technical knowledge. In conclusion, the involvement of women in the cooperative movement in Malaysia is still at a low level and based on the issues and challenges that have been discussed they need support and guidance from various parties, especially from the aspects of business support and training. Among the proposals to help strengthen the women's cooperative movement in Malaysia are cooperative culture and awareness, women's cooperative involvement in value-added business activities, cooperative business support and human capital empowerment through training, advisory services and guidance.

Keywords: *Business, COVID-19, co-operative issue and challenges, women*

PENGENALAN

Golongan wanita mewakili hampir separuh daripada jumlah penduduk di negara ini. Berdasarkan statistik anggaran penduduk semasa Malaysia 2021, bilangan wanita adalah seramai 15.9 juta orang daripada 32.7 juta jumlah penduduk negara. Tidak dinafikan bahawa wanita merupakan sumber penting dalam agenda pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Mereka turut mempunyai tanggungjawab untuk sama-sama merealisasikan matlamat dan aspirasi kerajaan dalam pembangunan negara. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2021), wanita merupakan satu pertiga daripada jumlah tenaga buruh. Daripada segi penyertaan buruh, penyertaan wanita meningkat dari 37.2 peratus dalam tahun 1970 kepada 46.7 peratus dalam tahun 1990. Manakala dalam sektor luar bandar dan pertanian, wanita juga merupakan faktor penting dalam perkembangan dan kemajuannya. Guna tenaga wanita juga telah bertambah secara signifikan terhadap sektor pembuatan terutamanya

dalam sektor tekstil dan elektronik. Dalam sektor perkhidmatan seperti perkhidmatan masyarakat, sosial, persendirian serta sektor awam, penyertaan wanita juga kian meningkat. Wanita juga turut memainkan peranan yang aktif dalam bidang politik negara. Kerajaan mengiktiraf sumbangan besar wanita dalam pembangunan negara dengan menggalakkan penyertaan mereka dalam proses pembangunan negara serta membuka peluang-peluang yang lebih luas bagi menceburi bidang sosial, ekonomi dan politik.

Malaysia mengakui bahawa sumbangan wanita dalam semua aspek kehidupan sangat penting dalam menjamin keupayaan negara untuk meningkatkan daya saingnya di peringkat antarabangsa serta bagi merencanakan lagi pembangunan negara dengan lebih agresif. Menurut Shasha Devi et al. (2017), wanita adalah salah satu penyumbang penting dan kerajaan harus memberi pengiktirafan kepada wanita yang bekerja. Kerajaan terus komited dalam usaha ke arah mencapai matlamat kesaksamaan gender selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Usaha murni kerajaan ke arah “Kemakmuran Bersama” adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mapan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, terangkum, dan inklusif. Gagasan ini akan merapatkan jurang ekonomi serta meningkatkan pendapatan dan penyertaan dalam rangkaian bekalan. Tumpuan diberikan khususnya terhadap golongan Bumiputera, masyarakat Orang Asli, isi rumah berpendapatan rendah (B40) dan kumpulan fokus khas seperti belia, wanita dan warga emas supaya kekayaan negara dapat dirasai bersama. Ekonomi yang lebih berstruktur, progresif, bernilai tinggi dan berpaksikan ilmu akan terhasil menerusi Model Pembangunan Baharu.

PENYATAAN MASALAH

Pandemik COVID-19 telah mencetuskan krisis kesihatan global dan telah merencatkan pertumbuhan ekonomi di seluruh dunia. Tiada negara yang terkecuali daripada menghadapi isu pandemik ini. Krisis yang belum pernah terjadi sebelumnya telah menyebabkan negara terkesan mengambil tindakan dengan melaksanakan perintah kawalan pergerakan (PKP) dan kuarantin bagi membendung penularan virus tersebut. Kebanyakan pakar ekonomi turut berpandangan bahawa situasi ini lebih

buruk daripada *The Great Depression* pada tahun 1930-an. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) meramalkan kadar pertumbuhan ekonomi dunia adalah -3% pada tahun 2020 (BH Online, 2020).

Hasil kajian oleh SME Corp tahun 2020 mendapati kira-kira 170,000 orang usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), mikro dan koperasi seluruh negara terjejas ekoran pelaksanaan PKP kerana pandemik COVID-19 ini. Manakala, berdasarkan kaji selidik oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) berhubung impak COVID-19 dan PKP terhadap usahawan pula, sebanyak 8.85% perniagaan telah ‘gulung tikar’, 34.89% mengalami penurunan pada eksport, 54.3% mengalami penurunan hasil jualan dan 58.5% bersedia untuk menceburi bidang perniagaan baharu (Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia, 2020). Manakala kajian yang dilaksanakan oleh sebuah syarikat iaitu Ernst & Young (2020) berkaitan COVID-19: Kaji Selidik Kesan Perniagaan, merangkumi 670 orang responden daripada syarikat yang tersenarai dan syarikat yang besar serta PKS. Hasil daripada kaji selidik ini menyatakan bahawa cabaran utama yang dihadapi semasa COVID-19 adalah dalam lima aspek iaitu kewangan, rantaian bekalan, pelanggan, teknologi dan manusia.

Golongan wanita secara khususnya, tidak terkecuali turut terkesan dengan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) yang mula berkuatkuasa pada 18 Mac 2020. Di peringkat global, 70 % daripada jumlah pekerja dalam sektor kesihatan dan sosial ialah wanita. Sebagai benteng barisan hadapan sektor kesihatan, sukarelawan komuniti, pekerja sosial, dan pelbagai lagi, wanita sememangnya memberi sumbangan kritikal dalam berdepan dengan wabak setiap hari. Tambahan pula, majoriti daripada golongan pengasuh atau penjaga, sama ada di rumah mahupun komuniti, dipelopori oleh wanita.

Sebilangan besar negara-negara di dunia menghadapi masalah terutamanya daripada segi penglibatan wanita dalam pembangunan sektor ekonomi. Namun, kerajaan Malaysia masih teguh memperakui kepentingan wanita dalam pembangunan nasional dan memberikan sokongan kepada wanita dengan menitikberatkan dan memasukkan hak mereka sebagai salah satu agenda dalam *sustainable development goals* (SDG) iaitu bagi mencapai kesaksamaan gender dan memperkasakan hak dan peranan wanita. Sektor koperasi perlu memanfaatkan kelebihan wanita untuk turut sama mengemulangi usaha dan tenaga bagi meningkatkan pendapatan serta ekonomi koperasi. Justeru,

pembabitan aktif wanita dalam gerakan koperasi penting bagi memastikan sektor itu terus berdaya saing dan dijadikan platform untuk mempertingkatkan kedudukan ekonomi. Melalui pemasaran produk ke pasaran yang lebih luas, peranan wanita mampu memberi impak besar serta melonjak sektor koperasi negara untuk sama-sama menyumbang kepada pendapatan negara.

Secara amnya, penyertaan golongan wanita dalam gerakan koperasi masih berada di tahap yang rendah jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan koperasi di Malaysia. Ini berdasarkan perangkaan oleh gerakan koperasi Malaysia, koperasi wanita di Malaysia ialah sebanyak 246 buah koperasi dengan bilangan anggota seramai 307,100 orang, jumlah aset RM74.45 juta dan perolehan RM10.92 juta (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2022).

Jadual 1: Perangkaan wanita Malaysia dalam koperasi tahun 2021

Bilangan Koperasi	Anggota (Orang)	Syer/Yuran	Aset	Perolehan
		(RM Juta)		
246	30,100	17.82	74.45	10.92

Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia (2022)

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar bagi Malaysia kesan daripada pandemik COVID-19 yang telah memberi impak hebat ke atas ekonomi negara, termasuk sektor koperasi. Antara cabaran utama yang dihadapi akibat daripada penularan wabak ini adalah kekangan aliran tunai, pengurangan nilai jualan dan gangguan kepada rantaian bekalan. Pembabitan wanita dalam gerakan koperasi perlu dipertingkatkan bagi membolehkan mereka mendapat manfaat, terutama ketika negara berhadapan pandemik COVID-19. Maka, kajian ini bertepatan untuk melihat isu dan cabaran yang dihadapi oleh koperasi wanita terutama ketika berhadapan dengan situasi pandemik ini. Keadaan semasa ini amat memerlukan pembabitan golongan wanita dengan semua rantaian perniagaan dan meningkatkan pengetahuan keusahawanan dengan menyertai koperasi wanita.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh koperasi wanita dalam mengembangkan perniagaan;
- ii. Menilai impak COVID-19 ke atas perniagaan yang dijalankan oleh koperasi wanita; dan
- iii. Mengenal pasti bentuk bantuan dan sokongan yang diperlukan untuk memperkasakan koperasi wanita kesan daripada penularan wabak COVID-19.

SKOP KAJIAN

Skop kajian ini melibatkan koperasi wanita yang aktif di seluruh Malaysia di mana setiap koperasi wanita diwakili oleh seorang wakil iaitu dalam kalangan Anggota Lembaga, juruaudit dalaman, ahli jawatankuasa dan pengurus/eksekutif.

SOROTAN KAJIAN

Pertumbuhan pesat gerakan koperasi di Malaysia sejak sebelum merdeka sehingga ke hari ini amat memberangsangkan serta mampu menjana ekonomi yang lebih mapan dan progresif. Sehingga Disember 2021, terdapat 14,834 buah koperasi yang dianggotai oleh 7.08 juta orang dengan memiliki perolehan sebanyak RM37.90 bilion, modal syer serta yuran RM16.54 bilion, di samping RM154.98 bilion jumlah aset (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2021). Dengan kekuatan ini membuktikan bahawa gerakan koperasi di Malaysia mampu bergerak lebih jauh dan bersaing di peringkat global.

Berdasarkan perangkaan gerakan koperasi Malaysia (SKM, 30 Jun 2021), koperasi wanita di Malaysia adalah sebanyak 246 buah koperasi dengan bilangan anggota seramai 307,100 orang, jumlah aset RM74.45 juta dan perolehan RM10.92 juta. Berdasarkan jadual 2 di bawah menunjukkan bahawa penyertaan golongan wanita dalam gerakan koperasi masih berada di tahap yang rendah jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan koperasi di Malaysia.

Jadual 2: Perangkaan wanita Malaysia dalam koperasi tahun 2021

Bilangan Koperasi	Anggota (Orang)	Syer/Yuran	Aset	Perolehan
		(RM Juta)		
246	30,100	17.82	74.45	10.92

Sumber: Perangkaan Koperasi Malaysia 30 Jun 2021, SKM

Penglibatan wanita dalam bidang perniagaan bukanlah sesuatu yang asing dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Justeru, sumbangan wanita telah diiktiraf oleh kerajaan dan banyak pihak dalam dan luar negara meliputi sektor pendidikan, sosial, ekonomi dan politik. Sektor koperasi perlu memanfaatkan kelebihan wanita untuk turut sama menggembleng usaha dan tenaga bagi meningkatkan pendapatan serta ekonomi koperasi. Tambahan lagi, penglibatan wanita dalam menyumbang kepada ekonomi bukan hanya melalui pekerjaan yang formal sahaja. Malah, banyak wanita yang terlibat dengan pengeluaran barangan dan perkhidmatan untuk pasaran mahupun kegunaan seharian melibatkan pelbagai bidang antaranya dalam pengeluaran makanan, pertanian dan kecantikan. Ini secara tidak langsung memupuk semangat keusahawanan dalam diri mereka. Selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh Md. Ali et al. (2005) berkaitan dengan aktiviti keusahawanan ibu tunggal di Johor mendapati bahawa penglibatan golongan tersebut dalam aktiviti keusahawanan adalah sangat tinggi walaupun hanya secara kecil-kecilan. Justeru, tidak boleh dinafikan akan peranan wanita dalam menyumbangkan kepada ekonomi negara.

Selain itu, kajian Vicari (2014) berkaitan pembangunan sumber manusia dan usaha peningkatan pengupayaan oleh koperasi kepada anggotanya dan hubungannya dengan peningkatan taraf hidup dan pembangunan komuniti di Brazil. Melalui kaedah ekonometrik mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan anggota dalam perniagaan yang dijalankan melalui koperasi yang dapat memberi impak yang baik kepada pembangunan pengupayaan manusia selain mengurangkan kadar kemiskinan. Melalui organisasi koperasi pembuat dasar didapati dapat mengenal pasti golongan yang berada di bawah paras kemiskinan. Oleh itu, pihak kerajaan seharusnya mewujudkan persekitaran yang menarik untuk gerakan koperasi terus berkembang maju.

Peranan koperasi wanita juga penting dalam membangunkan keluarga usahawan di negara ini. Wanita sebagai tonggak kepada kestabilan sosial serta ekonomi negara dapat membantu serta menyokong agenda Kementerian untuk melahirkan usahawan dalam kalangan wanita, selaras dengan Dasar Keusahawanan Negara (DKN 2030) (Kementerian Pembangunan Usahawan, 2020). Di bawah Teras Strategik 3, DKN 2030 telah mengambil kira peranan koperasi dalam merangsang pembangunan usahawan bersepadu dan holistik. Strategi 2 di bawah teras strategi yang sama, secara nyata memberi fokus kepada koperasi sebagai pemacu kepada pembangunan sosioekonomi yang inklusif dengan menekankan golongan B40, golongan ibu tunggal dan wanita.

Dalam hal ini anggota lembaga koperasi (ALK) dalam kalangan wanita juga perlu terus melakukan transformasi secara berstruktur dan komprehensif bagi menjana lebih keuntungan sekali gus dapat memberi faedah dan manfaat kepada anggota. Maka, gerakan koperasi boleh dijadikan sebagai platform kepada wanita khususnya di luar bandar untuk mempertingkatkan kedudukan ekonomi mereka melalui pemasaran produk mereka ke pasaran yang lebih luas.

Justeru, kemelesetan ekonomi yang bakal dihadapi disebabkan oleh wabak COVID-19 akan membawa kesan negatif yang tidak seimbang terhadap golongan wanita, dengan implikasi yang cukup besar ke atas kesaksamaan jantina dalam tempoh kemelesetan dan pemulihan. Antaranya, isu pembuangan pekerja disebabkan oleh langkah penjarakan sosial telah memberi impak yang besar terutamanya dalam sektor yang mempunyai ramai pekerja wanita. Selain itu, dengan penutupan sekolah dan pusat penjagaan kanak-kanak bagi memutuskan rantaian wabak COVID-19 telah mengakibatkan keperluan pusat asuhan meningkat secara mendadak, justeru mengehendkan pekerjaan dan peluang ekonomi bagi wanita yang bekerja. Kadar penyertaan tenaga buruh wanita di Selangor adalah tinggi (hampir 70 peratus) dibandingkan dengan kadar tenaga buruh di peringkat nasional iaitu sekitar 55 peratus.

Pandemik COVID-19 telah memberikan cabaran lebih besar kepada Malaysia yang mengamalkan ekonomi perdagangan. Langkah pelaksanaan PKP dan penutupan sempadan antarabangsa bagi membendung penularan pandemik telah menjejaskan pergerakan dan aktiviti rakyat terutamanya dalam pelancongan (Ibrahim, 2021). Berdasarkan laporan dari Persatuan Hotel Malaysia,

pembatalan tempahan hotel bagi tempoh Januari 2020 sehingga 20 Mac 2020 mencecah lebih daripada 193,000 buah bilik yang mengakibatkan kerugian sebanyak RM76 juta kepada industri. Pada masa sama, kadar penginapan hotel berkurang daripada 61.6% pada Januari 2020 kepada 25% pada Mac 2020 (Kementerian Kewangan Malaysia, 2021). Ini menyebabkan industri pelancongan dijangka melalui masa hadapan yang suram selagi vaksin COVID-19 masih belum ditemui.

Ahmad Subki et al. (2020) golongan wanita sering menjadi kumpulan yang mudah terjejas walaupun mereka menyumbang kepada majoriti ekonomi tidak formal. Kini, dengan krisis kesihatan yang berterusan, majoriti wanita akan lebih terjejas daripada segi sosioekonomi dalam keadaan yang belum pernah terjadi sebelum ini. Berdasarkan dapatan kajian ini, golongan wanita di negeri Selangor merupakan kumpulan yang paling terjejas akibat PKP dan mereka merupakan golongan yang sebelum ini mampu untuk menanggung keluarga tanpa apa-apa bantuan namun setelah pelaksanaan PKP, mereka berdepan dengan kesukaran dan kehilangan sumber pendapatan/bisnes. Kerajaan negeri harus bersedia untuk menanggapi kewujudan “wajah baharu kemiskinan” dengan merangka polisi yang menasaskan kepada golongan baru ini.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Mgema dan Komba (2020) kesan ke atas prestasi koperasi akibat COVID-19 menunjukkan bahawa interaksi sosial terjejas, penjarakan sosial menjejaskan amalan demokrasi melalui mesyuarat agung tahunan (MAT), pengangkutan hasil pertanian yang lembab, pemulihan pinjaman yang terhad dan meningkatkan pinjaman secara tidak berbayar, mengurangkan simpanan wang dan pengeluaran anggota. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa COVID-19 menyebabkan prestasi koperasi mempunyai kesan sosio ekonomi jangka pendek dan panjang yang luar biasa. Namun, bagi membantu koperasi mempertingkatkan kembali prestasi, penyelidik telah mengesyorkan penubuhan Jawatankuasa Koperasi Respons COVID-19 (CCRC), Model Koperasi Bersepadu (ICM) dan mempertingkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Matlamat Malaysia untuk memperkasakan gerakan koperasi menuntut kepada penambahbaikan ekosistem pembangunan dan kawal selia koperasi. Strategi yang dirangka harus mengambil kira proses peralihan untuk mentransformasi gerakan koperasi secara menyeluruh dan holistik. Terdapat 10 cabaran utama yang dikenal pasti dan perlu ditangani melalui pelan ini agar ekosistem

pembangunan dan kawal selia koperasi yang kondusif dapat diwujudkan bagi memperkasa gerakan koperasi untuk bersaing di peringkat nasional dan global. Menerusi Transkom 2021 -2025 antara cabaran utama koperasi yang dikenal pasti ialah:

1. Persepsi masyarakat.
2. Tadbir urus dan kawal selia.
3. Fungsi dan peranan badan induk.
4. Penglibatan anggota koperasi,
5. Penyertaan golongan muda dan profesional.
6. Keseimbangan pertumbuhan dan prestasi antara koperasi.
7. Keupayaan, kemampuan dan kepakaran keusahawanan.
8. Akses dan jangkauan kepada pasaran.
9. Jaringan kerjasama dan kolaborasi.
10. Mekanisme pemantauan dan pengukuran.

METODOLOGI

Kajian ini adalah mengenai isu dan cabaran yang dihadapi oleh koperasi wanita di Malaysia. Pelaksanaan kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melalui pengedaran borang soal selidik secara atas talian (*google form*). Populasi bagi kajian ini ialah koperasi wanita seluruh Malaysia yang berjumlah 252 buah koperasi pada tahun 2020. Manakala sampel bagi kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) di mana setiap koperasi wanita hanya seorang wakil memberikan maklum balas yang terdiri dalam kalangan Anggota Lembaga, juruaudit dalaman, ahli jawatankuasa dan pengurus/eksekutif. Berdasarkan perisian Rasoft dengan aras keyakinan 90 peratus (0.9) jumlah minimum sampel yang diperlukan hanyalah 131 orang responden. Jumlah responden yang telah memberi maklum balas melalui *google form* adalah sebanyak 184 orang, setelah proses pembersihan data dilakukan, sebanyak 141 soal selidik diterima pakai bagi tujuan analisis. Kaedah pengumpulan data dijalankan secara tinjauan atas talian menggunakan *google form* dalam tempoh April hingga Mei 2020. Beberapa maklumat diperoleh daripada borang soal selidik kajian ini seperti profil responden, maklumat koperasi, inisiatif memperkasakan koperasi dan impak COVID-19 kepada perniagaan koperasi.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Profil responden

Sebanyak 141 orang responden dalam kalangan koperasi wanita dari seluruh Malaysia telah menjawab soal selidik ini. Bahagian ini membincangkan analisis berkaitan profil responden secara diskriptif (bilangan dan peratus). Jadual 3 menunjukkan bahawa majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini adalah berumur dalam lingkungan 51 hingga 60 tahun (36.2%) iaitu sebanyak 51 orang. Ini diikuti dengan lingkungan umur 61 tahun ke atas (30.5%) iaitu 43 orang, dan 41 hingga 50 tahun (24.1%) iaitu 34 orang. Kebanyakan responden mempunyai kelulusan SPM/MCE (41.1%), manakala sebanyak 26.2% memiliki diploma/STPM/STAM/sijil lanjutan dan 13.5% orang responden mempunyai kelulusan ijazah sarjana muda. Lebih daripada separuh responden telah berkahwin (70.9%) dengan bilangan sebanyak 100 orang, manakala selebihnya 35% dan 4.3% masing-masing berstatus ibu tunggal (35 orang) dan bujang (6 orang). Kebanyakan responden adalah dari negeri Pahang dan Perak iaitu masing-masing dengan bilangan 23 orang (16.3%) dan 22 orang (15.6%). Selebihnya taburan responden meliputi keseluruhan Malaysia. Majoriti responden 85.1% (120 orang) merupakan anggota lembaga, manakala selebihnya iaitu 9.9% (14 orang) dan 5% (7 orang responden) masing-masing adalah berjawatan sebagai ahli jawatankuasa dan pengurus/eksekutif.

Jadual 3: Profil demografi responden

DEMOGRAFI		Bilangan (orang)	Peratus (%)
Umur	21- 30 tahun	1	0.7
	31 – 40 tahun	12	8.5
	41- 50 tahun	34	24.1
	51-60 tahun	51	36.2
	≥ 61 tahun	43	30.5
Tahap Pendidikan	UPSR/ Tamat Darjah 6	6	4.3
	PMR/SRP/LCE	9	6.4
	SPM/MCE/	58	41.1
	Diploma/STPM/STAM/Sijil Lanjutan	37	26.2
	Ijazah Sarjana Muda	19	13.5
	Sarjana	9	6.4
	Doktor Falsafah (PhD)	2	1.4
Lain-lain	1	0.7	
Status Perkahwinan	Berkahwin	100	70.9
	Bujang	6	4.5
	Ibu Tunggal	35	35
Negeri Bermestautin	Johor	11	7.8
	Kedah	4	2.8
	Kelantan	7	5.0
	Melaka	6	4.3
	Negeri Sembilan	10	7.1
	Pahang	23	16.3
	Perak	22	15.6
	Perlis	4	2.8
	Pulau Pinang	1	0.7
	Sabah	19	13.5
	Sarawak	9	6.4
	Selangor	16	11.3
	Terengganu	3	2.1
Wilayah Persekutuan	6	4.3	
Jawatan di Koperasi	Anggota Lembaga	120	85.1
	Ahli Jawatankuasa	14	9.9
	Pengurus/ Eksekutif	7	5

Maklumat Koperasi Wanita

Aktiviti perniagaan yang diceburi koperasi

Jadual 4 di bawah menunjukkan jenis aktiviti perniagaan yang diceburi oleh koperasi wanita. Berdasarkan jadual tersebut menunjukkan kebanyakan koperasi wanita menceburi bidang pembuatan dan pemprosesan sebagai aktiviti perniagaan mereka diikuti dengan bidang pemborongan dan peruncitan serta bidang pelancongan (perhotelan, rumah tumpangan, inap desa, ejen pelancongan, pengangkutan awam, pemandu pelancong). Pecahan bagi aktiviti perniagaan koperasi yang lain boleh dilihat dalam jadual 4 tersebut.

Jadual 4: Jenis aktiviti perniagaan koperasi ceburi

Jenis Aktiviti Perniagaan	Kekerapan
Pembuatan dan pemprosesan	61
Pemborongan dan peruncitan	52
Penjagaan kesihatan (salun, andaman, refleksologi, urutan dan spa)	20
Pembangunan hartanah (pemaju perumahan, ejen hartanah dan sewaan rumah/premis perniagaan)	14
Industri pembinaan (kontraktor binaan, landskap dan pembekalan barangan pembinaan dan <i>hardware</i>)	5
Pertanian/penternakan/perikanan	18
Perladangan	10
Pelancongan (perhotelan, rumah tumpangan, inap desa, ejen pelancongan, pengangkutan awam, pemandu pelancong)	25
'Event management' dan pengurusan perkahwinan	3
Pendidikan dan tadika	8
Perbankan, Ar-Rahnu dan pinjaman meminjam	12

Sektor perniagaan yang diceburi oleh koperasi wanita

Sektor pemborongan dan peruncitan (termasuk stesen minyak/restoran/pemprosesan) merupakan sektor perniagaan yang banyak diceburi oleh koperasi wanita di Malaysia. Ini diikuti dengan sektor kesihatan dan penjagaan diri (termasuk taska, tadika dan pendidikan). Bagi pecahan sektor perniagaan lain yang diceburi oleh koperasi adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 5 berikut.

Jadual 5: Sektor perniagaan yang diceburi oleh koperasi wanita

Sektor perniagaan	Kekerapan
Hartanah dan pembinaan (termasuk kedai 'hardware' dan landskap)	10
Perladangan (termasuk pembalakan)	8
Kesihatan dan penjagaan diri (termasuk taska, tadika dan pendidikan)	26
Pertanian (termasuk penjualan input, nurseri sawit, penternakan & perikanan)	23
Pelancongan (keperluan perkahwinan, 'event management' & pengangkutan)	23
Pemborongan dan peruncitan (termasuk stesen minyak/restoran/pemprosesan)	80
Perkhidmatan kewangan (pinjaman termasuk Ar-Rahnu)	21

ISU YANG DIHADAPI OLEH KOPERASI WANITA

Kajian ini melaporkan isu-isu yang dihadapi oleh koperasi wanita dalam aktiviti perniagaan. Antara isu utama tersebut ialah penglibatan anggota yang kurang dalam aktiviti koperasi merupakan masalah yang kebanyakan dihadapi oleh koperasi. Anggota dan bakal anggota kurang faham mengenai falsafah dan prinsip koperasi. Mereka tidak tahu akan hak dan tanggungjawab mereka sebagai pemilik dan anggota. Ini menyebabkan penglibatan mereka dalam aktiviti koperasi menjadi terhad; (Raja Maimon, 1999). Ini diikuti dengan masalah modal pusingan perniagaan dan seterusnya masalah pemasaran produk. Jadual 6 berikut menunjukkan masalah yang dihadapi oleh koperasi wanita.

Jadual 6: Masalah yang dihadapi oleh koperasi wanita

Isu yang dihadapi koperasi	Kekerapan
Penglibatan anggota yang kurang dalam aktiviti koperasi	98
Masalah modal pusingan perniagaan	96
Masalah pemasaran produk	74
Kurang kemahiran pengurusan	66
Kurang kemahiran dalam selok belok perniagaan	52
Kurang kefahaman dalam tadbir urus koperasi	47
Sukar mendapatkan bekalan input/ bahan mentah	24
Infrastruktur perniagaan yang tidak mencukupi	45

CABARAN YANG DIHADAPI DALAM PERNIAGAAN KOPERASI WANITA

Perubahan persekitaran ekonomi serta politik tempatan dan antarabangsa memerlukan gerakan koperasi bergerak seiringan. Matlamat Malaysia untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi merupakan cabaran yang perlu didokong bersama oleh gerakan koperasi. Sektor perkhidmatan kewangan yang merupakan nadi gerakan koperasi negara, perlu diperkukuhkan untuk memastikan perkembangan sektor koperasi yang mantap. Di samping itu, sektor perkhidmatan utama lain dalam gerakan koperasi seperti perdagangan pengedaran, pelancongan, pengeluaran makanan dan perladangan akan dikembangkan (Haswardi, 2017).

Berdasarkan dapatan yang diperoleh mendapati bahawa kekurangan sumber modal merupakan cabaran yang dihadapi oleh kebanyakan koperasi dalam perniagaan koperasi. Menurut Haswardi (2017), permasalahan yang sering dihadapi koperasi pada masa ini adalah kekurangan modal untuk menjalankan aktiviti perniagaan koperasi. Selain itu, koperasi juga berhadapan dengan cabaran dalam pengetahuan teknikal yang kurang, kurang pengetahuan untuk menjalankan aktiviti pemasaran dan kurang sokongan ahli. Dapatan tersebut boleh dirujuk dalam Jadual 7 berikut.

Jadual 7: Cabaran yang dihadapi dalam perniagaan koperasi

Cabaran yang dihadapi dalam perniagaan koperasi	Kekerapan
Kekurangan tenaga buruh	33
Pengetahuan teknikal yang kurang	66
Kekurangan sumber modal	99
Persaingan yang kian mencabar dan mendesak usahawan	47
Kurang pengetahuan untuk menjalankan aktiviti pemasaran	66
Strategi pemasaran yang kurang berkesan	57
Kurang sokongan ahli	66

IMPAK COVID-19 KE ATAS PERNIAGAAN KOPERASI WANITA

Penularan wabak COVID-19 memberi kesan kepada prestasi jualan/perolehan koperasi

Berdasarkan jadual 8 menunjukkan kesan penularan wabak COVID-19 kepada prestasi jualan/perolehan koperasi. Sebanyak 36.2% iaitu 51 buah koperasi mengalami penurunan

jualan/perolehan lebih dari 75%. Manakala, 30 buah koperasi (21.3%) menyatakan bahawa penularan wabak COVID-19 tidak memberi kesan kepada prestasi jualan/perolehan koperasi mereka.

Jadual 8: Bilangan dan peratus responden berkaitan dengan kesan penularan wabak COVID-19 kepada prestasi jualan/perolehan koperasi

Kesan penularan wabak COVID-19 kepada prestasi jualan/perolehan koperasi		
	Bilangan	Peratus (%)
Tiada kesan	30	21.3
Penurunan jualan/perolehan sehingga 25%	17	12.1
Penurunan jualan/perolehan lebih 25% sehingga 50%	19	13.5
Penurunan jualan/perolehan lebih 50% sehingga 75%	24	17.0
Penurunan jualan/perolehan lebih 75%	51	36.2

Tindakan koperasi selepas kerajaan umum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Berdasarkan jadual 9 menunjukkan tindakan yang dilaksanakan oleh koperasi selepas PKP diumumkan oleh kerajaan. Kebanyakan koperasi menutup sepenuhnya perniagaan mereka selepas PKP diumumkan. Selari dengan kaji selidik tentang kesan pandemik COVID-19 terhadap PKS (2020) menunjukkan bahawa terdapat gangguan yang teruk terhadap perniagaan kecil. Lebih separuh PKS menghadapi kerugian hasil yang teruk. Satu pertiga daripada responden bimbang mereka akan berhadapan dengan penutupan perniagaan dalam tempoh sebulan manakala sehingga 50% daripada responden menyatakan mereka akan menutup perniagaan mereka dalam tempoh tiga bulan jika tidak menerima sokongan selanjutnya. Selain itu, kajian ini menunjukkan bahawa koperasi juga bertindak dengan beroperasi menurut syarat ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara selepas PKP diumumkan.

Jadual 9: Tindakan koperasi selepas Perintah Kawalan Pergerakan diumumkan

Tindakan selepas perintah kawalan pergerakan diumumkan	Kekerapan
Tutup sepenuhnya	93
Mengadakan servis penghantaran	22
Beralih kepada operasi dalam talian	27
Memperkukuhkan strategi perancangan perniagaan	12
<i>Engagement</i> melalui media sosial bersama pelanggan	14
Beroperasi menurut syarat ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara	36

Tempoh perniagaan koperasi dijangka mampu bertahan jika situasi ini berterusan

Jadual 10 di bawah menunjukkan tempoh perniagaan yang dijangka koperasi wanita mampu untuk bertahan jika situasi PKP berterusan. Daripada analisis yang dijalankan memberikan dapatan bahawa sebanyak 54 buah koperasi (38.3%) berpendapat koperasi mereka mampu untuk bertahan selama 3-6 bulan jika situasi PKP berterusan. Ini diikuti dengan tempoh perniagaan koperasi dijangka mampu bertahan iaitu selama sebulan dan lebih 12 bulan iaitu masing-masing dengan bilangan 25 buah koperasi (17.7%) dan 22 buah koperasi (15.6%). Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), mendapati kesan terhadap terhadap syarikat/firma perniagaan, lebih separuh responden (53.4%) menyatakan hanya mampu bertahan 1 hingga 2 bulan sahaja sekiranya kemudahan cuti bergaji penuh/separuh gaji diberikan kepada pekerja semasa PKP.

Jadual 10: Tempoh perniagaan koperasi dijangka mampu bertahan jika situasi PKP berterusan

Tempoh perniagaan koperasi dijangka mampu bertahan	Bilangan	Peratus (%)
1 Bulan	25	17.7
2 Bulan	14	9.9
3-6 Bulan	54	38.3
7-9 Bulan	16	11.3
10-12 Bulan	10	7.1
Lebih 12 Bulan	22	15.6

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa koperasi wanita memerlukan bantuan daripada aspek penangguhan mesyuarat agung tahunan, penangguhan pengauditan akaun-akaun koperasi dan bantuan kecemasan semasa PKP. Selain itu, koperasi juga memerlukan bantuan khidmat nasihat secara dalam talian, pinjaman khusus untuk modal pusingan dan kebenaran untuk beroperasi menjalankan aktiviti perniagaan. Jenis bantuan lain yang diperlukan ditunjukkan dalam jadual 11 di bawah.

Jenis bantuan yang diperlukan oleh koperasi wanita semasa PKP

Jadual 11: Jenis bantuan yang diperlukan semasa PKP

Jenis bantuan diperlukan semasa PKP	Kekerapan
Penangguhan mesyuarat agung tahunan	121
Penangguhan pengauditan akaun-akaun koperasi	102
Bantuan kecemasan	69
Bantuan jualan harga patut (JHP)	18
Pinjaman khusus untuk modal pusingan	50
Penangguhan bayaran pinjaman (jika ada)	33
Pengurangan caruman berkanun	15
Kebenaran beroperasi	38
Penangguhan bayaran kompaun (jika ada)	8
Khidmat nasihat secara dalam talian	51

INISIATIF MEMPERKASAKAN KOPERASI

Bentuk bantuan atau sokongan untuk koperasi

Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan koperasi memerlukan bantuan kewangan untuk menjalankan aktiviti perniagaan. Selain itu, bentuk bantuan atau sokongan yang sesuai ialah koperasi memerlukan pembiayaan modal pusingan perniagaan dan kursus kefahaman berkoperasi kepada anggota. Jadual 12 menunjukkan bentuk bantuan atau sokongan untuk koperasi.

Jadual 12: Bentuk bantuan atau sokongan untuk koperasi

Bentuk bantuan atau sokongan untuk koperasi	Kekerapan
Kursus kefahaman berkoperasi kepada anggota	85
Bantuan kewangan	106
Pembiayaan modal pusingan perniagaan	86
Pembiayaan untuk pemilikan aset dan infrastruktur	49
Konsultasi khidmat pemasaran	70
Konsultasi pengurusan kewangan dan perakaunan	56
Konsultasi perundangan dan tadbir urus	53
Konsultasi dalam rangkaian bekalan	44

Pengetahuan diterima daripada kursus yang ditawarkan membantu koperasi semasa menjalankan perniagaan

Kajian lepas menunjukkan bahawa antara peranan sosial koperasi ialah menyatukan komuniti untuk menjadi sebuah kumpulan yang berupaya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka. Koperasi bukan sahaja menarik minat golongan tertentu tetapi turut memperkasakan peranan golongan wanita yang dilihat mampu untuk berinteraksi di antara satu sama lain melalui kursus-kursus yang dianjurkan untuk menjadikan golongan wanita ini berfikiran lebih terbuka dan mampu menjana pendapatan sendiri melalui aktiviti ekonomi yang dijalankan dalam kalangan mereka seperti penghasilan kraf tangan dan sebagainya (Tsfay et al., 2013).

Berdasarkan jadual 13 menunjukkan skala bagi pengetahuan diterima daripada kursus yang ditawarkan membantu koperasi semasa menjalankan perniagaan. Sebanyak 47 buah koperasi (33.3%) menyatakan bahawa pengetahuan daripada kursus yang ditawarkan sedikit membantu mereka dalam menjalankan aktiviti perniagaan. Selain itu, 37 buah koperasi (26.2%) menyatakan pengetahuan daripada kursus yang ditawarkan agak membantu dalam menjalankan aktiviti perniagaan.

Jadual 13: Bilangan dan peratus responden berkaitan dengan pengetahuan daripada kursus yang ditawarkan

Pengetahuan dari kursus yang ditawarkan	Bilangan	Peratus (%)
Tidak membantu langsung	4	2.8
Sedikit membantu	47	33.3
Sederhana membantu	34	24.1
Agak membantu	37	26.2
Sangat membantu	19	13.5

Pengetahuan yang diperoleh daripada kursus dihadiri mencukupi untuk koperasi memulakan perniagaan

Berdasarkan jadual 14 menunjukkan separuh daripada responden iaitu 80 buah koperasi (56.8%) setuju bahawa pengetahuan yang diperoleh daripada kursus dihadiri mencukupi untuk koperasi memulakan perniagaan. Sebanyak 31 buah koperasi (22%) yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Selebihnya (21.3%) responden berada pada tahap neutral.

Jadual 14: Bilangan dan peratus responden berkaitan dengan pengetahuan diperoleh daripada kursus dihadiri mencukupi

Pengetahuan dari kursus mencukupi	Bilangan	Peratus (%)
Sangat tidak setuju	3	2.1
Tidak setuju	28	19.9
Neutral	30	21.3
Setuju	72	51.1
Sangat setuju	8	5.7

Kursus yang diperlukan untuk meningkatkan jualan/perolehan

Jadual 15 menunjukkan senarai kursus yang diperlukan oleh koperasi untuk meningkatkan jualan/perolehan koperasi. Berdasarkan dapatan menunjukkan kebanyakan koperasi memerlukan

kursus pengurusan perniagaan dan pemasaran, kursus perniagaan atas talian dan kursus perakaunan dan kewangan. Pecahan kursus-kursus lain yang diperlukan oleh koperasi dilihat dalam jadual tersebut.

Jadual 15: Kursus yang diperlukan oleh koperasi untuk meningkatkan jualan

Kursus yang diperlukan oleh koperasi	Kekerapan
Perakaunan dan kewangan	67
Pengurusan perniagaan dan pemasaran	104
Perniagaan atas talian	97
Tadbir urus dan perundangan koperasi	49
Kursus berkaitan pelancongan	30
Kursus berkaitan perniagaan kesihatan dan penjagaan diri	28
Kursus berkaitan pembangunan hartanah dan industri pembinaan	12
Kursus berkaitan pengurusan perladangan	15
Kursus berkaitan pertanian/penternakan/perikanan	23
Kursus berkaitan pengurusan kredit dan Ar-Rahnu	17
Kursus berkaitan pengurusan pelaburan	20
Kursus berkaitan pemprosesan makanan/katering/restoran	55
Kursus berkaitan pengurusan tadika	17

Perkhidmatan khidmat nasihat/bantuan dalam mengendalikan perniagaan

Dalam jadual 16 menunjukkan kementerian/agensi yang koperasi mendapatkan khidmat nasihat/bantuan dalam perniagaan. Berdasarkan dapatan menunjukkan kebanyakan koperasi mendapatkan khidmat nasihat/bantuan daripada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), diikuti dengan khidmat nasihat/bantuan daripada pihak Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan ANGKASA.

Jadual 16: Kementerian/agensi yang koperasi mendapatkan khidmat nasihat/bantuan dalam perniagaan

Kementerian/Agensi untuk mendapatkan nasihat/bantuan	Kekerapan
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)	16
Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	121
Institut Koperasi Malaysia (IKMa)	68
ANGKASA	23

Kemahiran pengurusan koperasi dalam bidang teknologi maklumat (MS Excel, media sosial, alatan kolaborasi secara virtual)

Berdasarkan jadual 17 di bawah menunjukkan 44% daripada responden iaitu 62 buah koperasi merasakan bahawa tahap kemahiran pengurusan teknologi maklumat adalah lemah. Manakala, sebanyak 39 buah koperasi (27.4%) menyatakan bahawa tahap kemahiran pengurusan teknologi maklumat mereka adalah berkesan. Selebihnya (28.4%) responden berada pada tahap neutral.

Jadual 17: Bilangan dan peratus responden berkaitan dengan tahap kemahiran pengurusan koperasi dalam bidang teknologi maklumat

Tahap kemahiran pengurusan teknologi maklumat	Bilangan	Peratus (%)
Sangat lemah	19	13.5
Lemah	43	30.5
Neutral	40	28.4
Berkesan	33	23.4
Sangat berkesan	6	4.3

Kursus berkaitan media sosial bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan koperasi wanita

Seperti yang dinyatakan di jadual 18, hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan daripada responden iaitu 128 buah koperasi (90.7%) menyatakan mereka bersetuju jika kursus media sosial

diperluaskan bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan koperasi wanita. Hanya sedikit sahaja iaitu lima buah koperasi (3.5%) yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

Jadual 18: Bilangan dan peratus persetujuan responden berkaitan kursus media sosial harus diperluaskan bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran

Kursus pemasaran digital harus diperluaskan	Bilangan	Peratus (%)
Sangat tidak setuju	2	1.4
Tidak setuju	3	2.1
Neutral	8	5.7
Setuju	81	57.4
Sangat setuju	47	33.3

Kursus berkaitan pemasaran digital bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan koperasi wanita

Selain itu, kebanyakan daripada responden iaitu 127 buah koperasi (90.1%) menyatakan mereka bersetuju jika kursus pemasaran digital diperluaskan bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan koperasi wanita. Ini disokong oleh kajian Ahmad Subki et al. (2020) iaitu peluang untuk wanita memanfaatkan platform perniagaan digital dan menyediakan insentif kepada golongan wanita B40 untuk memiliki jaringan wi-fi yang stabil dalam usaha untuk menceburi bidang e-perniagaan dengan lebih serius. Hanya sedikit sahaja iaitu tujuh buah koperasi (4.9%) yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

Jadual 19: Bilangan dan peratus persetujuan responden berkaitan kursus pemasaran digital harus diperluaskan bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran

Kursus pemasaran digital harus diperluaskan	Bilangan	Peratus (%)
Sangat tidak setuju	4	2.8
Tidak setuju	3	2.1
Neutral	7	5.0
Setuju	77	54.6
Sangat setuju	50	35.5

RUMUSAN DAN CADANGAN

Kajian ini dijalankan untuk melihat isu dan cabaran yang dihadapi oleh koperasi wanita di Malaysia. Secara rumusannya, penglibatan wanita dalam gerakan koperasi di Malaysia masih berada di tahap yang rendah. Berdasarkan isu dan cabaran yang telah dibincangkan, mereka amat memerlukan sokongan dan bimbingan daripada pelbagai pihak khususnya aspek sokongan perniagaan dan latihan. Berdasarkan perbincangan dapatan kajian yang telah dibuat, penyelidikan ini mengesyorkan cadangan berikut bagi membantu memperkasakan gerakan koperasi wanita di Malaysia.

1. Pembudayaan dan kesedaran berkoperasi dalam kalangan wanita di Malaysia

Menerusi Dasar Koperasi Negara (DKN, 2011-2020) di bawah Teras Strategik IV “Meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap gerakan koperasi” menyatakan bahawa berkoperasi membolehkan penyertaan dalam aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan dan kekayaan. Kesedaran tentang manfaat berkoperasi ini perlu disebarluaskan untuk menarik minat rakyat menyertai atau menubuhkan koperasi. Kerajaan berhasrat supaya masyarakat menerima koperasi sebagai sebahagian daripada amalan kehidupan mereka. Segenap lapisan masyarakat dan komuniti digalakkan untuk menubuhkan koperasi. Bagi meningkatkan keyakinan berkoperasi, kefahaman mengenainya dipertingkatkan melalui promosi kesedaran berkoperasi dengan pendekatan mesra rakyat, peningkatan kesedaran, kerjasama

dan sokongan pihak majikan ataupun pemimpin persatuan terhadap usaha memperkembangkan gerakan koperasi di negara ini

Penglibatan wanita dalam gerakan koperasi di Malaysia khususnya yang memegang jawatan pengurusan dan pentadbiran kebanyakan dalam lingkungan umur 51-60 tahun di samping kurangnya penglibatan dan sokongan dalam kalangan anggota. Usaha-usaha promosi haruslah dilaksanakan untuk mengkomersialkan falsafah dan kelebihan berkoperasi dalam kalangan belia wanita di Malaysia. Peranan ini boleh dimainkan oleh pihak koperasi sendiri, SKM dan IKMa melalui program pembudayaan dan kesedaran yang dilaksanakan khusus untuk belia dan wanita di Malaysia. Melalui usaha sebegini akan dapat membantu meningkatkan penglibatan dan sokongan wanita dalam koperasi yang dianggotai.

2. Penglibatan koperasi wanita dalam aktiviti-aktiviti perniagaan bernilai tambah

Koperasi pertanian telah menggalakkan penglibatan golongan wanita dalam sektor pengeluaran yang secara tidak langsung dapat membantu dalam pengeluaran makanan dan pembangunan luar bandar. Melalui koperasi, wanita juga dapat bersatu dan menyediakan rangkaian sokongan untuk mengatasi sekatan budaya untuk mengikuti aktiviti-aktiviti komersial atau ekonomi. Sebagai contoh penglibatan wanita dalam koperasi di Asia Selatan telah menjadikan wanita bebas dalam ekonomi dan meningkatkan kedudukan mereka melalui penyertaan aktif dalam perniagaan serta pendedahan kepada pengalaman pengurusan dan latihan yang lain (International Labour Office (ILO), 2012; United Nations, 2009).

Koperasi wanita perlu mengorak langkah untuk menceburi sektor dan aktiviti perniagaan yang bernilai tambah untuk lebih kekal kompetitif dalam perniagaan masa kini. Penglibatan koperasi wanita pada ketika ini kebanyakannya lebih cenderung terlibat dalam sektor pemborongan peruncitan, sektor kesihatan dan penjagaan diri, haruslah dikembangkan lagi kepada sektor-sektor perniagaan yang lain. Maka, kajian pasaran haruslah dibuat oleh koperasi sebelum menceburi sesuatu bidang perniagaan. Ini bertujuan untuk memastikan koperasi terlibat dalam perniagaan yang signifikan menyumbang kepada ekonomi dan sosial

anggota mereka serta ekonomi negara. Bagi meningkatkan perolehan, sudah tiba masanya koperasi wanita bergerak ke hadapan terlibat dalam aktiviti perniagaan yang berdaya saing untuk menyumbang kepada prestasi tahunan perniagaan.

3. Sokongan perniagaan koperasi

Kebanyakan koperasi wanita di Malaysia, menghadapi kekangan khususnya daripada aspek modal dan pemasaran produk serta perkhidmatan. Justeru, pelbagai bentuk bantuan kewangan diperlukan seperti pembiayaan modal pusingan, geran dan sokongan pemasaran haruslah diperluaskan lagi bagi membantu meningkatkan kapasiti dan keupayaan mereka. Ini selari dengan kenyataan akhbar yang menyatakan supaya memberi peluang kepada koperasi untuk terlibat dalam bidang pengeluaran dan pemasaran barang (Ahmad, 2021). Tidak dinafikan, koperasi wanita juga turut terjejas dengan penularan wabak Covid-19 yang melanda negara ini. Mereka kembali mencari kekuatan serta peluang bagi menstabilkan semula ekonomi keluarga yang terjejas. Ini adalah kerana ada segelintir mereka yang kehilangan pekerjaan sudah semestinya memberi lebih banyak tekanan untuk lebih berusaha mempelbagaikan cara bagi menjana pendapatan. Bagi menjamin kelangsungan perniagaan, pembiayaan kewangan sememangnya amat diperlukan bagi menampung kos kerugian akibat tidak dapat membuka atau menjalankan perniagaan. Ini merupakan usaha ke arah pemulihan perniagaan koperasi. Di samping itu, sokongan perniagaan lain yang diperlukan adalah seperti memulakan aktiviti perniagaan baharu, maklumat atas talian, bantuan fasiliti, kebenaran beroperasi, pemantauan dan bantuan geran.

4. Pemeraksanaan modal insan melalui latihan, khidmat nasihat dan bimbingan

Dalam keadaan dan suasana persaingan perniagaan yang semakin mencabar, koperasi wanita harus bersiap sedia untuk memantapkan diri sebagai pemimpin wanita yang berkebolehan, mempunyai visi dan misi yang jelas, serta nilai-nilai positif dalam menangani cabaran baharu. Antara cabaran yang dihadapi oleh koperasi wanita di Malaysia adalah kurangnya pengetahuan teknikal dan aspek pemasaran. Para koperator wanita perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan untuk menyesuaikan diri dengan tuntutan perubahan persekitaran. Selari dengan kajian oleh Ahmad Subki et al. (2020), tumpuan harus diberikan terhadap

program pembangunan yang mampu membina ketahanan ekonomi wanita apabila berdepan dengan penularan wabak dan kejutan krisis pada masa akan datang supaya mereka mempunyai sumber keperluan untuk diri sendiri dan keluarga.

Justeru, perubahan gaya hidup dan peranan yang dipegang oleh wanita ini memerlukan pendidikan sepanjang hayat. Pembangunan modal insan melalui latihan seharusnya diperkasakan dengan mengikuti kursus atau program pengurusan perniagaan dan pemasaran, kursus perniagaan dalam talian, kursus perakaunan dan kewangan yang perlu diberikan keutamaan. Ini disokong melalui laporan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia ke-11 berkaitan memperkasa modal insan yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (2018). Koperasi wanita juga perlu berani mengambil peluang melakukan perubahan serta melonjakkan ekonomi digital di tengah-tengah situasi pandemik agar gerakan koperasi tidak ketinggalan dalam arus perdana ekonomi negara. Bagi membudayakan penggunaan teknologi masa kini, para koperator wanita juga haruslah mempelajari dan menguasai penggunaan teknologi melalui kursus dalam talian atau digital contohnya kursus pemasaran dan perniagaan digital. Pemasaran digital ialah norma baharu perniagaan bagi menjangkau pelanggan berpotensi, bukan sahaja dalam negara tetapi di seluruh dunia (Osman, 2021). Hakikatnya, pandemik Covid-19 menyedarkan kita betapa pentingnya ekosistem digital untuk mencegah kejatuhan perniagaan seterusnya ekonomi negara. Selain itu, aspek khidmat nasihat dan bimbingan dari SKM, IKMa dan ANGKASA juga perlu diperkasakan dengan memperkenalkan kaedah dan aktiviti khidmat nasihat dan bimbingan yang lebih efisien dan efektif. Sebagai contoh program latihan, khidmat nasihat dan bimbingan yang bersasar mengikut keperluan gerakan dari semasa ke semasa.

RUJUKAN

- Ahmad, H. F. (2021). Beri peluang koperasi sertai bidang pemasaran, jangan hanya syarikat besar. *Utusan Malaysia*.
- Ahmad Subki, S. K., Tajari, R., Hussin, N. H., Dzulkifli, M. H., Kroneman, L., & Lim, S. L. (2020). *Impak sosio-ekonomi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19 terhadap kehidupan wanita di Selangor*. www.iwbselangor.org.my
- BH Online. (2020). *Kemelesetan ekonomi 2020 lebih buruk dari 2008*. <http://api.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/03/668585/kemelesetan-ekonomi-2020-lebih-buruk-dari-2008-imf>
- Ernst & Young. (2020). *Covid-19: Impact on Malaysian businesses*. Ernst & Young Advisory Services Sdn Bhd. https://www.ey.com/en_my/take-5-business-alert/covid-19-impact-on-malaysian-businesses
- Haswardi, M.M (2017). Cabaran koperasi dalam melaksanakan aktiviti perniagaan. *Dimensi koop Bil.53, ms.26*
- Ibrahim, J. A. (2021). Lima langkah bantu pulih segera sektor pelancongan. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/03/797737/lima-langkah-bantu-pulih-segera-sektor-pelancongan>
- International Labour Office (2015) Cooperatives and the sustainable development goals a contribution to the post-2015. Development Debate a Policy Brief.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Perangkaan penduduk Malaysia*. <https://www.dosm.gov.my/>
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) Penemuan Survei Khas (secara atas talian) Kesan Covid-19 kepada Syarikat/Firma Perniagaan. <https://www.dosm.gov.my/>
- Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. (2018). Memperkasa Modal Insan. In *Kajian separuh penggal Rancangan Malaysia kesebelas 2016-2020: Keutamaan dan penekanan baharu*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2021). *Tinjauan Ekonomi 2021*.
- Kementerian Pembangunan Usahawan. (2020). *Dasar Keusahawanan Nasional 2030*. Kementerian Pembangunan Usahawan. [https://www.medac.gov.my/admin/files/med/image/portal/DasarKeusahawananNasional\(DKN\)2030.pdf](https://www.medac.gov.my/admin/files/med/image/portal/DasarKeusahawananNasional(DKN)2030.pdf)

- Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia. (2020, September 15). *Siaran Media Dialog Keusahawanan Wanita 2020 Membicarakan Ekosistem Keusahawanan Wanita*. 1–3.
- Md. Ali, A., Md. Som, H., Bujang, S. M., & Abu Bakar, T. @ S. (2005). Aktiviti keusahawanan di kalangan Ibu Tunggal di negeri Johor: Kajian terhadap faktor penglibatan dan kejayaan dalam bidang perniagaan. *Jurnal Kemanusiaan*.
- Mgema, J. M., & Komba, C. K. (2020). Socio-economic effects of covid-19 pandemic on the performance of co-operative societies in Tanzania. *Journal of Co-operative and Business Studies (JCBS)*, 5(2), 29–39.
- Osman, H. (2021, November 29). Digitalisasi koperasi bermula tahun depan. *Harian Metro*.
- Raja Maimon Raja Yusof. (1999, Januari). Masalah dan Kegagalan Koperasi Pengguna di Malaysia. *Dimensi*, 27-30.
- Shasha Devi, P., Jacobs, C., Mathan, R., Huizen, M. J. van, Hern-Ee, C. G., Wan, H., & Mubarak, A. (2017). Discrimination against women in workforce: The need to move forward. *Industrial Suruhanjaya Koperasi Malaysia*. (2021). *Perangkaan Koperasi Malaysia 2020*.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2022). *Statistik perangkaan tahunan gerakan koperasi*. <https://www.skm.gov.my/index.php/my/>
- Sorotan khas covid-19: Kesan terhadap Perniagaan dan PKS - Perspektif Global, Rantau & Nasional (2020), SME Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia). <https://www.smeCorp.gov.my>
- Tesfay A, Tadele H (2013). The role of cooperatives in promoting socio-economic empowerment of women: Evidence from multipurpose cooperative societies in South Eastern Zone of Tigray, Ethiopia. *International Journal of Community Development* 1, 1-11.
- Vicari, S. (2014). The co-operative as institution for human development: The case study of Coppalj, a primary co-operative in Brazil. *Journal of International Development*, 26, 683–700. <https://doi.org/10.1002/jid.3003>